

Minda Usahawan Murid Pelbagai Etnik Sekolah Menengah di Kuching, Sarawak berdasarkan Gender

(Multi-Ethnic Entrepreneurial Mindset of Secondary School Students in Kuching, Sarawak based on Gender)

Siti Marwani Salleh^{1*}, Norasmah Othman¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: P111899@siswa.ukm.edu.my

Accepted: 15 April 2023 | Published: 30 April 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.55>

Abstrak: Pendidikan ialah satu proses pembelajaran untuk menambah ilmu pengetahuan dalam kehidupan seharian manusia bagi mewujudkan modal insan yang berkeترampilan dalam kepelbagaian etnik di santero dunia. Justeru, tanpa pendidikan sesuatu etnik akan dianggap mundur dalam kehidupan seharian. Pencapaian akademik di Sarawak didapati amat rendah dan jauh ketinggalan berbanding negeri-negeri lain termasuk pencapaian TIMSS dan PISA terutamanya dalam aspek kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran kreatif dan inovasi. Oleh demikian, satu penelitian perlu dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti tahap minda usahawan murid pelbagai etnik sekolah menengah di Kuching, Sarawak berdasarkan gender. Seramai 300 murid sekolah menengah telah dipilih secara rawak sebagai responden kajian ini. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen bagi pengumpulan data kajian. Data dianalisis melalui dua jenis kaedah iaitu analisis deskriptif yang bertujuan untuk mendapatkan tahap minda usahawan sementara analisis inferensi pula digunakan untuk menganalisis perbezaan minda usahawan murid pelbagai etnik berdasarkan gender. Hasil kajian mendapati tahap minda usahawan murid pelbagai etnik adalah pada aras sederhana. Etnik yang memiliki min minda usahawan yang tertinggi antara etnik adalah Bidayuh. Hasil kajian juga mendapati dua etnik mempunyai perbezaan yang signifikan antara gender adalah etnik Cina dan Melanau sahaja. Implikasi dapatan kajian ialah elemen-elemen minda usahawan perlu didedahkan secara teori dan praktikal kepada murid agar mereka lebih menguasai serta menghayati elemen tersebut. Dengan cara ini, dipercayai dapat meningkatkan tahap minda usahawan dan mempraktikkan tingkah laku keusahawanan murid dalam menjalani kehidupan seharian.

Kata kunci: minda usahawan, pelbagai etnik, murid, sekolah menengah, gender

Abstract: Education is a learning process to increase knowledge in human daily life to create skilled human capital in ethnic diversity worldwide. Therefore, without education, an ethnic will be considered backward in day-to-day life. Academic achievement in Sarawak was found to be very low and far behind compared to other states, including the achievements of TIMSS and PISA, especially in the aspects of problem-solving skills and creative and innovation skills. Hence, a study needs to be carried out for the purpose of identifying the level of entrepreneurial mindset of students among multi-ethnic secondary school students in Kuching, Sarawak based on gender. A total of 300 secondary school students were randomly selected as respondents of this study. A questionnaire was used as an instrument for data collection. The data were

analyzed through two types of methods, namely descriptive analysis which aims to identify the level of entrepreneurial mindset while inference analysis was also used to analyze the differences in entrepreneurial mindset of students of multi-ethnic students based on gender. The results of the study found that the level of entrepreneurial mindset of students of multi-ethnic students is at a moderate level. The ethnic group that has the highest entrepreneurial mindset mean of all ethnic groups is the Bidayuh. The study also found that two ethnic groups that have significant differences between genders are the Chinese and Melanau only. The implication of the study findings is that the elements of the entrepreneurial mindset need to be revealed theoretically and practically to the students so that they can develop a better understanding and appreciation of these elements. In this way, it is believed to be able to increase the level of entrepreneurial mindset and practice entrepreneurial behavior of students in their daily life.

Keywords: entrepreneurial mindset, multi-ethnic, students, Secondary School, gender

1. Pengenalan

Pendidikan adalah satu proses pembelajaran untuk menambah ilmu pengetahuan dalam kehidupan seharian manusia bagi mewujudkan modal insan yang berketrampilan dalam kepelbagaian etnik di seantero dunia (Hussin et al. 2010). Pendidikan juga merupakan nadi kepada pembangunan modal insan, perkembangan setiap etnik dan pertumbuhan ekonomi yang lestari (Gaile et al. 2019). Sehubungan itu, pendidikan merupakan tunjang pemikiran sesuatu etnik dan mengaplikasikan pengetahuan dalam kehidupan seharian. Pemikiran dilihat sebagai sesuatu yang dilakukan oleh pengetahuan praktikal di mana individu belajar dengan mengamalkannya (Buble dan Zelic 2020). Dalam konteks pendidikan, setiap individu mempunyai hak dan peluang secara adil untuk kesamarataan akses kepada pendidikan tanpa mengira etnik, jantina dan status sosioekonomi (Zahirwan et al. 2020). Justeru, tanpa pendidikan sesuatu etnik akan dianggap mundur dalam kehidupan seharian (Hussin, Rohana dan Amirmudin 2010).

Singapura merupakan sebuah negara yang mempunyai tahap sistem pendidikan termaju dan terbaik di peringkat Asia dan juga berada pada tempat keempat di dunia (Laporan Daya Saing Global, 2020). Ini dapat dibuktikan dengan sistem pendidikan Singapura sentiasa konsisten mendahului kedudukan pada peringkat antarabangsa dalam PISA (Program OECD Penilaian Murid Antarabangsa). Manakala sektor pendidikan di Malaysia pula menduduki tempat kedua terbaik di Asia selepas Singapura (World Economic Forum, 2018). Melalui pendidikan yang berkualiti, Malaysia berupaya menjadi sebuah negara yang berdaya saing, dinamik dan progresif terutamanya apabila sistem pendidikan memberi penekanan kepada elemen keusahawanan. Elemen ini digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia 2020). Matlamat Pelan ini adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai minda keusahawanan yang mampu membuat keputusan, menyelesaikan masalah, melihat peluang, menunjukkan keberanian untuk mengambil peluang, menjadi kreatif dan inovatif, dan bekerja dengan baik dalam satu pasukan. Oleh yang demikian, Malaysia perlu menyahut cabaran dengan melonjakkan kualiti sistem pendidikan sedia ada ke tahap yang lebih tinggi agar mampu bersaing serta setaraf dengan sistem pendidikan di Singapura (Pati 2016). Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan PPPM 2013–2025 bagi mencitrakan enam aspirasi murid

untuk membangunkan kemahiran dan kecekapan yang diperlukan oleh murid untuk menggapai kejayaan dalam persekitaran global yang semakin sukar. (Faizah dan Ani 2015).

Sarawak mempunyai 27 kumpulan etnik, antaranya etnik Iban, Melayu, Bidayuh, Melanau, dan etnik lain (Jabatan Penerangan Malaysia 2019). Kepelbagaian etnik kadangkala dilihat menjadi satu bentuk ketaksamarataan peluang pendidikan. Bagi menjamin pendidikan boleh diakses oleh semua kumpulan etnik, isu ketidaksamaan peluang pendidikan di Sarawak masih perlu ditangani (Noor Serihamsa dan Lai Wei Sieng 2021). Jika diperhatikan daripada sudut pendidikan, kepelbagaian sosiobudaya merangkumi pelbagai faktor yang lebih luas iaitu seperti dari segi etnik, adat resam dan budaya. Kepelbagaian etnik dapat melahirkan murid berminda usahawan yang akan memberi impak secara ketara semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Zulhafizi dan Zurinah 2021).

Kepentingan pendidikan pelbagai etnik dapat membantu meningkatkan kemajuan sesuatu etnik. Isu dan permasalahan murid di Malaysia dilaporkan adalah berkaitan keupayaan dalam menyelesaikan masalah, berfikir secara kreatif dan inovasi (Abdullah et al. 2019). Jurang perbezaan dalam pencapaian akademik dan ketidaksamaan pencapaian murid antara sekolah-sekolah di Malaysia juga ada dilaporkan dalam PPPM 2013-2025 (Norashikin et al. 2015). Pencapaian akademik di Sarawak didapati amat rendah dan jauh ketinggalan berbanding negeri-negeri lain. Buktinya, 80 peratus keputusan UPSR dan 50 peratus keputusan SPM di daerah Sarawak menunjukkan keputusan yang terendah (Ngu Leh Seng, 2017). Mengapakah perkara ini masih berlaku? Hakikatnya, banyak kekangan mahupun kekurangan kemudahan infrastruktur sehingga guru turut menetapkan minda mereka bahawa sekolah di Sarawak adalah mundur (Shamsiah dan Nor'Azah 2014). Implikasinya pada pencapaian akademik murid sekolah lemah dan kekal berada pada tahap tidak memuaskan (Baharin dan Azura 2016).

Pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran Abad Ke-21 telah diterapkan di sekolah. Matlamat utama TIMSS dan PISA adalah untuk menilai keupayaan murid untuk menggunakan pengetahuan dan kebolehan kognitif lanjutan dalam penyelesaian masalah, membuat keputusan dan inovasi (Bernard, Suppiah dan Maslinda 2021). Sejauh manakah tahap pencapaian akademik (TIMSS dan PISA) murid di Sarawak? Di manakah kedudukan pencapaian Sarawak jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain? Berdasarkan Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan telah melaporkan pencapaian TIMSS dan PISA murid-murid di Sarawak menunjukkan prestasi yang paling rendah berbanding negeri-negeri lain terutamanya dalam aspek kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran kreatif dan inovasi yang boleh dirujuk melalui skor literasi Matematik dan Sains (Kementerian Pendidikan Malaysia 2019).

Oleh itu, Sarawak amat memerlukan murid yang berminda usahawan. Sebuah negara yang membangun harus mempunyai etnik yang berminda usahawan. Minda usahawan yang dimiliki oleh sesuatu etnik berupaya menyumbangkan ke arah sebuah negara yang membangun dan dapat menjana kreativiti dan inovasi setiap etnik agar berupaya bersaing di peringkat global (Ngu Leh Seng, 2017). Minda usahawan perlu diterapkan dalam pendidikan di sekolah agar dapat melahirkan murid yang berpemikiran kelas pertama yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara secara amnya (Mardzelah et al., 2021)

Di negara membangun, kadar purata tahun persekolahan murid perempuan menunjukkan perbezaan yang ketara iaitu sebanyak 45 peratus lebih rendah daripada murid lelaki dan kadar celik huruf menunjukkan murid perempuan sebanyak 29 peratus lebih rendah daripada murid

lelaki (Naziatul Aziah 2012). Murid perempuan mempunyai tahap komitmen yang lebih tinggi berbanding murid lelaki (Rohani, Hazri dan Nordin 2010). Murid lelaki menunjukkan kurang minat pembelajaran, kurang menyerlah dalam kemahiran penyelesaian masalah, bekerja dalam pasukan dan merebut peluang menerusi aktiviti di sekolah (Rowe 2012). Minda usahawan yang dimiliki oleh murid perempuan akan meraih pencapaian lebih baik di peringkat SPM menyebabkan peratusan gender yang diterima masuk ke institut pengajian tinggi (IPT) didominasi oleh murid perempuan. Buktinya, jumlah murid perempuan melebihi jumlah murid lelaki di IPT digambarkan berdasarkan statistik terkini dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi (Naziatul Aziah, Rahmah dan Poo Bee Tin 2012). Sekiranya murid lelaki mempunyai pemikiran usahawan di peringkat sekolah maka isu gender dapat diatasi. Satu fenomena yang meluas berlaku apabila murid perempuan berprestasi lebih baik daripada murid lelaki di seluruh dunia termasuk Scotland, New Zealand, Jerman, England, Perancis, Australia dan Jepun (Coxford et al. 2000).

Laporan Indeks Jurang Gender Global 2021 menyatakan bahawa kedudukan Malaysia berada di tangga ke - 122 daripada 156 buah negara iaitu telah jatuh lapan anak tangga berbanding pada tahun 2020. Negara rantau Asia Tenggara seperti Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam, Myanmar, Indonesia Brunei Darussalam menunjukkan kedudukan yang lebih baik berbanding Malaysia. Justeru, Malaysia menghadapi masalah dengan mempunyai jurang gender yang sangat tinggi berbanding dengan negara Asia Tenggara yang lain (Nor Shela et al. 2021). Persoalannya, adakah wujudnya jurang gender pelbagai etnik yang berminda usahawan? Selari dengan persoalan ini, satu kajian dijalankan yang bermatlamat untuk:

- i. Mengenal pasti tahap minda usahawan murid pelbagai etnik di sekolah menengah.
- ii. Mengenal pasti perbezaan tahap minda usahawan murid pelbagai etnik berdasarkan gender di sekolah menengah.

2. Sorotan Literatur

Minda Usahawan

Minda usahawan adalah elemen yang menentukan jatuh bangun setiap bidang diceburi (Arend et al. 2016). Satu usaha yang berterusan bagi membangunkan inisiatif baru juga satu takrifan minda usahawan, Scheepers (2008). Minda usahawan juga dilaporkan sebagai satu kemahiran berfikir dan membuat keputusan yang dipraktikkan dalam kehidupan seharian (Naumann 2017).

Kemahiran membuat keputusan merupakan elemen pertama yang terdapat dalam minda usahawan. Kebolehan membuat keputusan adalah salah satu elemen utama dalam perkembangan generasi akan datang kerana generasi ini berupaya membuat pilihan bijak dan tepat yang diperlukan untuk memimpin negara (Mazli dan Saemah 2017). Kemahiran membuat keputusan boleh dipertingkatkan dengan belajar melalui satu kaedah yang sistematik (Ab Razak et al. 2020). Kemahiran membuat keputusan tidak dapat dipengaruhi oleh jantina (Mei dan Yahya 2015). Kebolehpindahan kemahiran membuat keputusan bagi murid sekolah menengah masih pada tahap yang rendah. Ini telah menyangkal banyak kajian lepas yang mendapati bahawa murid perempuan sering dianggap sebagai kumpulan yang lemah dalam akademik. Murid yang tidak mampu membuat keputusan dengan tepat maka sukar untuk menangani semua cabaran yang mereka hadapi dan tidak berupaya untuk terus bangkit (Nor Hamizah et al. 2020).

Elemen minda usahawan seterusnya adalah berkait dengan kemahiran menyelesaikan masalah. Kemahiran menyelesaikan masalah merupakan satu kemahiran yang dititikberatkan dalam

pembelajaran abad ke-21 (Raja Abdullah 2018). Kemahiran ini juga merupakan kemampuan individu mengenal pasti masalah, mengumpul maklumat masalah yang dialami, memahami setiap masalah dihadapi dan seterusnya melakukan perancangan strategi bagi menyelesaikan masalah tersebut (Northouse 2012). Individu yang berupaya menyelesaikan masalah dengan baik merupakan individu yang berminda usahawan (Peschl et al. 2020). Rodiah et al. (2009) mendapati bahawa murid di peringkat sekolah berupaya mengenal pasti masalah dan mengemukakan idea penyelesaian dengan berfikir secara kritis. Ini menunjukkan murid dapat mengaplikasikan kemahiran menyelesaikan masalah dengan melakukan analisis, pemerhatian dan bijak menggunakan bahan untuk menyiapkan tugas yang diberi oleh guru. Ayu dan Ariyadi (2018) melaporkan bahawa kebolehan murid menyelesaikan masalah boleh digunakan untuk mengukur pembelajaran mereka. Kajian Roslina et al. (2010), kebolehan menyelesaikan masalah merupakan aspek utama yang harus ada pada setiap murid untuk bersedia sebagai modal insan yang progresif. Mohd. Zaki dan Narawi (2019) pula menyatakan kemahiran menyelesaikan masalah hendaklah diberi perhatian kepada murid kerana dapat membangunkan elemen yang positif.

Kemahiran mengenal pasti peluang juga merupakan salah satu elemen minda usahawan. Kemahiran ini adalah keupayaan seseorang melihat sesuatu kesukaran yang dihadapi oleh orang lain sebagai satu peluang untuk diambil (Kuratko 2016). Seseorang yang mempunyai cara pemikiran yang unik kerana berupaya mengesan peluang dan membolehkan mereka berjaya dalam apa jua situasi untuk meraih kejayaan (Chang dan Chen 2020). Selain itu, individu berminda usahawan ini berupaya mencipta peluang berdasarkan kepakaran, pemahaman, dan kesedaran mereka tentang perubahan dalam persekitaran (Su et al. 2019). Misalnya seorang murid yang boleh mengenal pasti peluang adalah murid yang berminda usahawan (Dawn dan Gaylen 2004). Kemahiran mengenal pasti peluang dalam kalangan murid boleh dikembangkan melalui pembelajaran pendidikan keusahawanan di sekolah. Jan et al. (2014) mengatakan bahawa kemahiran mengenal pasti peluang merupakan keberhasilan daripada pembelajaran pendidikan keusahawanan. Pendidikan keusahawanan di sekolah sebenarnya dapat memberi implikasi yang besar kepada murid apabila mereka bertindak secara positif dalam mengenal pasti peluang (Cristian et al. 2011).

Elemen seterusnya ialah keberanian mengambil risiko. Keberanian mengambil risiko ditakrifkan sebagai seseorang yang sanggup menerima serta dapat mengelak risiko yang berupaya meraih keuntungan dan kerugian yang seimbang (Jauharatul 2019). Umum mengetahui bahawa seorang usahawan, terkenal dengan keberanian mengambil risiko (Brandt 2019). Justeru, murid yang mempunyai keberanian untuk mengambil risiko dan dapat membuat keputusan bijak ialah seorang yang berminda usahawan (Aziz et al. 2011). Namun apa yang dilaporkan dalam beberapa kajian ialah kebanyakan murid didapati tidak berani mengambil risiko walaupun minat mereka terhadap keusahawanan amatlah tinggi (Nasharudin dan Harun 2010). Dalam kajian ini, keberanian murid untuk mengambil risiko apabila murid berhadapan dengan keperluan untuk membuat keputusan.

Elemen kreatif dan inovasi merupakan elemen yang diperlukan dalam minda usahawan. Pemikiran kritis, pemikiran kreatif dan kemahiran komunikasi diutamakan dalam pembangunan pendidikan pada abad ke-21 (Obschonka et al. 2017). Kreativiti dan inovasi perlu diberi perhatian terutama pada abad ke-21 bagi melahirkan generasi berminda kelas pertama (Nor Azzatunnisak dan Saemah 2013). Seseorang yang berminda yang kreatif dan inovatif akan mendorong murid ke arah minda usahawan (Timmons et al. 2004). Komponen utama dalam kaedah inovasi ialah kreativiti iaitu proses penambahbaikan idea, perkhidmatan

atau produk baharu (Taylor 2018). PPPM 2013-2025 amat menitikberatkan semua murid untuk memperoleh kemahiran kognitif terutamanya pemikiran kreatif, inovasi dan kritis (KPM, 2020). Murid yang berpemikiran kreatif dan inovasi mampu berdaya saing seiring dengan peredaran zaman (Siti Khairiah 2011). Oleh itu, dengan mewujudkan suasana persekitaran yang selesa dalam sesebuah organisasi dapat melahirkan murid yang kreatif dan inovatif (Razli et al. 2016).

Elemen terakhir ialah kemahiran bekerja dalam kumpulan. Kemahiran bekerja dalam pasukan ditakrifkan sebagai sebuah kumpulan yang bekerja secara berpasukan untuk mencapai matlamat dengan berkesan (Mashitah et al. 2017). Kemahiran kerja berpasukan terbentuk hasil daripada penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum (Norazila et al. 2017). Latihan kerja kumpulan kerap dilakukan di dalam kelas untuk membantu murid mempersiapkan diri dengan kemahiran berkomunikasi sebelum menempuh alam pekerjaan (Akindele 2012). Kebolehan kerja berpasukan ialah keupayaan murid menghormati pendapat orang lain serta memotivasikan ahli kumpulan bagi mencapai keputusan yang sepakat (Suarta et al. 2017). Ini disokong oleh Bhagra (2018), menyatakan bahawa individu perlu menghargai ahli pasukan seperti menghargai keperibadian, kualiti dan kekuatan mereka untuk membangunkan hubungan pasukan kerja yang efektif.

Murid Pelbagai Etnik

Di Sarawak, sistem persekolahan vernakular tidak diwujudkan tetapi lebih mengamalkan pluralisme yang menawarkan peluang pendidikan untuk semua etnik (Chew 2013). Semua etnik mempunyai hak untuk menerima pendidikan yang sama rata di setiap sekolah (Indah dan Binahayati 2015). Bidang Pendidikan merupakan satu platform utama untuk menerapkan minda usahawan dalam kalangan murid bagi melahirkan generasi minda kelas pertama (Shahrulnizam dan Noor Hazalina 2020). Walaupun setiap etnik mempunyai amalan budaya tersendiri, ini bukanlah penghalang untuk setiap etnik meningkatkan pemikiran murid di sekolah (Nur Ayuni dan Amir 2019).

Kajian Hanum et al. (2008) menunjukkan bahawa tiada perbezaan ketara antara antara murid tanpa mengira etnik terhadap tahap kemahiran kerja berpasukan. Kajian Fong Peng (2014) mendapati penerapan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis (KBKK) dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di sekolah menengah mempunyai perbezaan yang ketara antara pelbagai etnik. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan penyoalan KBAT dengan etnik murid. Buktinya, kesemua etnik yang dikaji iaitu Melayu, Cina dan India menguasai kemahiran berfikir pada tahap yang sama (Fong Peng dan Shashipriya 2014).

Tahap penguasaan kemahiran insaniah berdasarkan gender terutamanya tahap penguasaan kemahiran menyelesaikan masalah dan kerja berpasukan adalah pada tahap yang sama (Hazilah et al. 2012). Manakala kajian Anna dan Siti Awaliyati (2020) mendapati bahawa terdapat perbezaan tahap keberanian mengambil risiko antara pelajar lelaki dan perempuan. Dapatan Sarebah et. Al (2010) menunjukkan tiada perbezaan gender dalam penerapan kemahiran keusahawanan iaitu kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran komunikasi, kemahiran mengurus dan kemahiran teknologi pelajar di politeknik. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji minda usahawan murid pelbagai etnik berdasarkan gender.

3. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan teknik kuantitatif dan kaedah tinjauan. Menurut Cresswell (2008), mendefinisikan penyelidikan kuantitatif sebagai satu jenis penyelidikan pendidikan di mana penyelidik memilih perkara yang hendak dikaji, merumuskan persoalan kajian tertentu, menghadkan skop soalan, menganalisis nombor menggunakan statistik dan pertanyaan dalam bentuk objektif.

Populasi kajian ini ialah murid tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Perniagaan iaitu seramai 991 orang murid di Kuching, Sarawak. Bagi menentukan saiz sampel maka penyelidik menggunakan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Hasilnya, seramai 274 orang murid perlu dilibatkan dalam kajian. Namun, bagi memperoleh keputusan yang baik maka seramai 300 orang murid telah diambil, dengan penambahan sebanyak 26 orang murid, sepertimana yang dinyatakan oleh Creswell (2014), lebih besar saiz sampel maka kajian lebih dipercayai dan lebih rendah risiko kesilapan keputusan. Sampel kajian ini adalah terdiri daripada enam kumpulan etnik besar di Sarawak iaitu Melayu, Cina, Iban, Bidayuh dan Melanau. Sementara etnik Bugis, India, Jawa, Kayan, Kedayan, Kelabit, Kenyah, Lun Bawang dan Orang Ulu pula akan digabungkan menjadi satu kumpulan iaitu etnik lain-lain. Kumpulan ini digabungkan kerana jumlahnya yang sedikit dan merupakan etnik minoriti. Untuk kajian ini, seramai 50 orang murid dipilih secara rawak untuk mewakili setiap etnik.

Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen pengumpulan data. Instrumen soal selidik diadaptasi daripada Norasmah dan Amal (2021). Soal selidik ini terdiri tujuh bahagian iaitu Bahagian A berkaitan soalan mengenai demografi murid (5 item). Bahagian B untuk mengukur kemahiran membuat keputusan (7 item) . Seterusnya, diikuti Bahagian C untuk mengukur tahap murid dalam menangani masalah (6 item). Manakala Bahagian D pula mengukur tahap elemen kemahiran mengenal pasti peluang (8 item). Bahagian E pula untuk mengukur tahap elemen berani mengambil risiko (11 item). Borang soal selidik juga merangkumi elemen kreativiti dan inovasi yang terletak pada Bahagian F (11 item) dan Bahagian G merupakan bahagian terakhir dalam soal selidik ini adalah bagi mengukur semangat kerja berpasukan dalam kalangan murid (11 item).

Kajian rintis telah dilakukan ke atas 45 orang murid tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Perniagaan. Kajian Rintis ini dilaksanakan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Jadual 1 memaparkan keputusan ujian kesahan dan kebolehpercayaan bagi setiap item konstruk. Dapatan kajian rintis bagi kesemua 55 item menunjukkan bahawa kebolehpercayaan item adalah berada pada tahap tinggi dengan nilainya 0.977. Pekali kebolehpercayaan yang baik lebih daripada 0.60 sering digunakan dan menjadi rujukan minimum bagi setiap pengkaji. Manakala nilai kesahan yang menggunakan nilai kesahan yang diperolehi adalah antara 0.662 hingga 0.783. Nilai kesahan ini melebihi 0.30 yang menunjukkan semua elemen dalam konstruk ini boleh diterima. Menurut Kamaruzzaman (2012), nilai kesahan yang melebihi 0.30 menunjukkan instrumen soal selidik mempunyai tahap kesahan yang baik dan dapat memberikan respons yang tepat terhadap tajuk kajian.

Jadual 1: Nilai Kesahan dan Kebolehpercayaan

Item	Nilai Kesahan	Nilai Cronbach Alpha	Interprestasi
Kemahiran Membuat Keputusan	0.756	0.781	Baik dan boleh diterima
Kemahiran Menyelesaikan Masalah	0.756	0.833	Baik dan boleh diterima
Kemahiran Mengenal Pasti Peluang	0.675	0.866	Baik dan boleh diterima
Keberanian Mengambil Risiko	0.755	0.909	Sangat tinggi dan diterima
Kreativiti dan Inovasi	0.783	0.937	Sangat tinggi dan diterima
Kemahiran Berkerja Dalam Pasukan	0.662	0.927	Sangat tinggi dan diterima

Perisian *Statistical Package for The Social Sciences* versi 25.0 (SPSS) diaplikasikan dalam kajian ini untuk menganalisis data soal selidik. Hasil soal-selidik dianalisis menggunakan frekuensi analisis deskriptif. Jadual 2 memaparkan nilai skor min yang digunakan untuk mengukur tahap responden berdasarkan skala Likert empat mata yang diadaptasi daripada Riduwan (2012).

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Julat Skor Min	Tahap Keselarian
3.51 -4.00	Tinggi
2.51-3.50	Sederhana
1.51-2.50	Rendah
1.00-1.50	Kurang Kaitan

4. Hasil Kajian

Tahap Minda Usahawan Murid pelbagai etnik di sekolah Menengah

Analisis deskriptif bagi tahap minda usahawan untuk keenam-enam etnik dijalankan berdasarkan skor min untuk setiap elemen kemahiran membuat keputusan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran mengesan peluang, keberanian mengambil risiko, kreativiti dan inovasi, dan kemahiran bekerja dalam pasukan. Jadual 3a menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi setiap elemen minda usahawan murid pelbagai etnik sekolah menengah. Berdasarkan hasil kajian, etnik Melayu menunjukkan elemen “Kemahiran membuat keputusan” mencatatkan min yang tertinggi (min =3.27, sp=0.403). Diikuti dengan elemen “Kemahiran menyelesaikan masalah” (min=3.25, sp=0.462). Seterusnya, elemen “Kemahiran bekerja dalam pasukan” (min=3.22, sp=0.510), elemen “Kemahiran mengesan peluang” (min=3.21, sp=0.482), elemen “Keberanian mengambil risiko” (min=3.19, sp=0.483), dan elemen “Kreativiti dan inovasi” mencatatkan min yang terendah (min=3.17, sp =0.496). Secara keseluruhannya, ini menunjukkan bahawa skor tahap minda usahawan etnik Melayu mencatatkan skor min sebanyak 3.22 dan sisihan piawai 0.395 iaitu pada tahap yang sederhana. Min tertinggi bagi minda usahawan etnik Cina ialah elemen “Kemahiran membuat keputusan” mencatatkan min (min=3.23, sp=0.529). Diikuti dengan elemen “Kemahiran bekerja dalam pasukan.” (min=3.21, sp=0.504). Seterusnya elemen “Kemahiran menyelesaikan masalah” (min=3.19, sp=0.461), elemen “Keberanian mengambil risiko” (min=3.18, sp=0.470), elemen “Kemahiran mengesan peluang” (min=3.16, sp= 0.542), dan elemen “Kreativiti dan inovasi” mencatatkan min yang terendah (min =3.13, sp= 0.503). Ringkasnya, ini menunjukkan bahawa skor tahap minda usahawan etnik Cina mencatatkan min sebanyak 3.18 dan sisihan piawai 0.456 iaitu pada tahap sederhana.

Seterusnya, elemen “Kemahiran bekerja dalam pasukan” etnik Iban mencatatkan min yang tertinggi (min=3.35, sp=0.471). Diikuti dengan elemen “Kemahiran membuat keputusan”

(min= 3.30, sp= 0.450). Seterusnya, elemen “Kemahiran menyelesaikan masalah” (min=3.29, sp= 0.453), elemen “Kemahiran mengesan peluang” (min=3.25, sp=0.534), elemen “Keberanian mengambil risiko” (min=3.24, sp=0.587), dan elemen “Kreativiti dan inovasi” mencatatkan min yang terendah (min=3.15, sp=0.495). Secara keseluruhannya, minda usahawan etnik Iban pada tahap sederhana yang mencatatkan min sebanyak 3.26 dan sisihan piawai 0.416.

Elemen “Kemahiran bekerja dalam pasukan” merupakan elemen minda usahawan etnik Bidayuh mencatatkan min yang tertinggi (min=3.39, sp=0.452). Elemen “Kemahiran membuat keputusan” mencatat min kedua yang tertinggi (min=3.35, sp=0.405). Seterusnya, elemen “Keberanian mengambil risiko” (min=3.31, sp=0.472), elemen “Kemahiran menyelesaikan masalah” (min= 3.29, sp = 0.430), elemen “Kemahiran mengesan peluang” (min= 3.25, sp=0.467), dan elemen “Kreativiti dan inovasi” mencatatkan min yang terendah (min= 3.23, sp= 0.478). Tuntasnya, ini menunjukkan bahawa skor tahap minda usahawan etnik Bidayuh mencatatkan min sebanyak 3.30 dan sisihan piawai 0.370 iaitu pada tahap sederhana. Bagi etnik Melanau pula, elemen “Kemahiran bekerja dalam pasukan” mencatatkan min yang tertinggi (min =3.35, sp= 0.447). Diikuti dengan elemen “Kemahiran membuat keputusan” (min= 3.34, sp= 0.437). Seterusnya, elemen “Kemahiran menyelesaikan masalah” (min = 3.31, sp=0.439), elemen “Kreativiti dan inovasi” (min=3.28, sp= 0.474), elemen “Kemahiran mengesan peluang” (min=3.27, sp=0.425), dan elemen “Keberanian mengambil risiko” mencatatkan min yang terendah (min=3.21, sp=0.466). Ini membuktikan bahawa, minda usahawan etnik Melanau pada tahap sederhana yang mencatatkan min sebanyak 3.29 dan sisihan piawai 0.359.

Akhir sekali, hasil kajian menunjukkan bahawa min tertinggi bagi minda usahawan etnik lain-lain ialah elemen “Kemahiran bekerja dalam pasukan” mencatatkan min yang tertinggi (min=3.39, sp=0.453). Diikuti dengan elemen “Kemahiran membuat keputusan” (min=3.37, sp=0.474). Seterusnya, elemen “Keberanian mengambil risiko” (min = 3.33, sp = 0.524), elemen “Kreativiti dan inovasi” (min=3.31, sp=0.487), elemen “Kemahiran menyelesaikan masalah” (min=3.29, sp= 0.457), dan elemen “Kemahiran mengesan peluang” mencatatkan min yang terendah (min=3.25, sp=0.494). Ringkasnya, ini menunjukkan bahawa skor tahap minda usahawan etnik lain-lain pada tahap sederhana dengan mencatatkan min sebanyak 3.32 dan sisihan piawai 0.408.

Jadual 3a juga memaparkan elemen minda usahawan mengikut pelbagai etnik. Jika diteliti didapati etnik Bidayuh memiliki skor min yang tinggi untuk tiga elemen minda usahawan iaitu elemen 1, 5 dan 6 sementara etnik Melanau pula memiliki dua elemen minda usahawan yang tertinggi berbanding dengan etnik lain iaitu elemen 2, dan 3. Ringkasnya, dapatan ini menggambarkan elemen minda usahawan yang dimiliki setiap etnik secara perinci.

Jadual 3a: Tahap Minda Usahawan Pelbagai Etnik

Elemen/Etnik	Melayu		Cina		Iban		Bidayuh		Melanau		Lain-lain	
	Min	SP	Min	SP	Min	SP	Min	SP	Min	SP	Min	SP
1. Kemahiran membuat keputusan	3.27	0.403	3.23	0.529	3.30	0.450	3.35	0.405	3.34	0.437	3.37	0.474
2. Kemahiran menyelesaikan masalah	3.25	0.462	3.19	0.461	3.29	0.453	3.29	0.430	3.31	0.439	3.29	0.457

3. Kemahiran mengesan peluang	3.21	0.482	3.16	0.542	3.25	0.534	3.25	0.467	3.27	0.425	3.25	0.494
4. Keberanian mengambil risiko	3.19	0.483	3.18	0.470	3.24	0.587	3.31	0.472	3.21	0.466	3.33	0.524
5. Kreativiti dan inovasi	3.17	0.496	3.13	0.530	3.15	0.495	3.23	0.478	3.28	0.474	3.31	0.487
6. Kemahiran bekerja dalam pasukan	3.22	0.510	3.21	0.504	3.35	0.471	3.39	0.452	3.35	0.447	3.39	0.453
Skor Min (Tahap minda)	3.22	0.395	3.18	0.456	3.26	0.416	3.30	0.370	3.29	0.359	3.32	0.408

*Gabungan etnik Bugis, India, Jawa, Kayan, Kedayan, Kelabit, Kenyah, Lun Bawang dan Orang Ulu untuk mewakili etnik lain-lain

Jadual 3b pula menunjukkan skor min dan sisihan piawai mengikut etnik. Terdapat enam kumpulan etnik yang terlibat dalam kajian ini iaitu terdiri daripada enam kumpulan etnik iaitu Melayu, Cina, Bidayuh, Melanau dan gabungan etnik Bugis, India, Jawa, Kayan, Kedayan, Kelabit, Kenyah, Lun Bawang dan Orang Ulu untuk mewakili etnik lain-lain. Setiap etnik diwakili oleh 50 orang murid yang terlibat dalam memberi maklum balas. Dapatan menunjukkan tahap minda usahawan paling tinggi ialah etnik lain-lain dengan nilai min 3.32 dan sisihan piawainya 0.408. Kumpulan ini merupakan gabungan beberapa etnik minoriti namun jika satu etnik sahaja, etnik Bidayuh yang memiliki skor min yang tinggi dengan nilai min 3.30 dan sisihan piawai 0.370. Etnik seterusnya dengan nilai min 3.29 dan sisihan piawainya 0.359 adalah etnik Melanau, diikuti Iban dengan nilai min 3.26 dan sisihan piawainya 0.416, etnik Melayu dengan nilai min 3.22 dan sisihan piawainya 0.395 dan akhir sekali Cina dengan nilai min 3.18 dan sisihan piawainya 0.462. Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada analisis, nilai skor min untuk setiap etnik menunjukkan minda usahawan pada aras yang sederhana iaitu dalam lingkungan min 3.18 sehingga 3.32. Maklumat lanjut dalam 3b di bawah:

Jadual 3b: Min dan Sisihan Piawai mengikut Etnik

Etnik	Bil. (n)	Min	SP	Tahap
Melayu	50	3.22	0.395	Sederhana
Cina	50	3.18	0.462	Sederhana
Iban	50	3.26	0.416	Sederhana
Bidayuh	50	3.30	0.370	Sederhana
Melanau	50	3.29	0.359	Sederhana
Lain-lain	50	3.32	0.408	Sederhana
Jumlah	300	3.26	0.402	Sederhana

*Gabungan etnik Bugis, India, Jawa, Kayan, Kedayan, Kelabit, Kenyah, Lun Bawang dan Orang Ulu untuk mewakili etnik lain-lain

Perbezaan Tahap Minda Usahawan Murid Pelbagai Etnik Berdasarkan Gender Di Sekolah Menengah

Hasil kajian berkaitan elemen minda usahawan setiap etnik di Sarawak telah menimbulkan pelbagai persoalan lagi. Misalnya, adakah minda usahawan antara murid lelaki dan perempuan sama atau berbeza? Jika berbeza, adakah ianya signifikan? Oleh demikian, ujian-t dilaksanakan bagi menguji perbezaan minda usahawan murid mengikut etnik dan gender.

Hasilnya, data ujian t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan minda usahawan murid pelbagai etnik berdasarkan gender. Tiga elemen yang mempunyai perbezaan signifikan antara gender adalah elemen kemahiran menyelesaikan masalah, dengan nilai $t = 2.549$, $p = 0.011$, $p < 0.05$, diikuti dengan elemen keberanian mengambil risiko dengan nilai $t = 2.073$, $p = 0.039$, $p < 0.05$; dan elemen kreativiti dan inovasi dengan nilai $t = 2.392$, $p = 0.017$, $p < 0.05$. Manakala tiga elemen lagi tidak mempunyai perbezaan yang signifikan antara gender iaitu elemen kemahiran membuat keputusan dengan nilai $t = 1.454$, $p = 0.147$, $p > 0.05$, kemahiran mengesan peluang dengan nilai $t = 0.802$, $p = 0.423$, $p > 0.05$ dan kemahiran bekerja dalam kumpulan dengan nilai $t = 1.924$, $p = 0.55$, $p > 0.05$.

Kesimpulannya, wujud perbezaan yang signifikan antara tahap minda usahawan murid pelbagai etnik berdasarkan gender dengan nilai $t = 2.211$, $p = 0.028$, $p < 0.05$. Berdasarkan kepada analisis, skor min murid lelaki adalah lebih tinggi berbanding dengan nilai min murid perempuan bagi keenam-enam elemen dalam minda usahawan murid dan nilai min keseluruhan ialah lelaki 3.323 dan nilai min murid perempuan 3.220.

Jadual 4a: Perbezaan Minda Usahawan Murid Pelbagai Etnik Berdasarkan Gender

Elemen	Jantina	Bil. (n)	Min	SP	Nilai t	Sig. (P)
Kemahiran membuat keputusan	Lelaki	128	3.354	0.4647	1.454	.147
	Perempuan	172	3.277	0.4388		
Kemahiran menyelesaikan masalah	Lelaki	128	3.346	0.4430	2.549	.011
	Perempuan	172	3.214	0.4454		
Kemahiran mengesan peluang	Lelaki	128	3.256	0.5039	0.802	.423
	Perempuan	172	3.210	0.4790		
Keberanian mengambil risiko	Lelaki	128	3.313	0.4658	2.073	.039
	Perempuan	172	3.192	0.5214		
Kreativiti dan inovasi	Lelaki	128	3.291	0.4917	2.392	0.17
	Perempuan	172	3.154	0.4890		
Kemahiran bekerja dalam pasukan	Lelaki	128	3.380	0.4818	1.924	0.55
	Perempuan	172	3.274	0.4660		
Tahap Minda	Lelaki	128	3.323	0.3985	2.211	.028
	Perempuan	172	3.220	0.3996		

Hasil ujian t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap minda usahawan murid pelbagai etnik berdasarkan gender di sekolah menengah. Terdapat dua etnik yang mempunyai perbezaan yang signifikan antara gender iaitu Cina dengan nilai $t = 0.082$, $p = 0.011$, $p < 0.05$, dan Melanau dengan nilai $t = 2.085$, $p = 0.042$, $p < 0.05$. Manakala empat etnik lagi tidak mempunyai perbezaan tahap minda yang signifikan antara gender iaitu Melayu dengan nilai $t = -0.035$, $p = 0.972$, $p > 0.05$, Iban dengan nilai $t = -0.538$, $p = 0.593$, $p > 0.05$, Bidayuh dengan nilai $t = 0.605$, $p = 0.55$, $p > 0.05$ dan lain-lain etnik dengan nilai $t = 0.505$, $p =$

0.281, $p > 0.05$. Namun secara keseluruhan data menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan minda usahawan murid pelbagai etnik berdasarkan gender dengan nilai $t=2.211$, $p=0.028$, $p<0.05$. Skor min murid lelaki dilihat memiliki nilai min lebih tinggi berbanding dengan nilai min murid perempuan kecuali bagi etnik Iban. Ini menunjukkan murid lelaki lebih memiliki minda usahawan berbanding murid perempuan.

Jadual 4b: Minda Usahawan Murid Berdasarkan Gender Mengikut Etnik Di Sarawak

Etnik	Jantina	(n)	Min	SP	Nilai t	Sig.
Melayu	Lelaki	19	3.22	0.460	-.035	.972
	Perempuan	31	3.22	0.358		
Cina	Lelaki	26	3.29	0.429	.082	.011
	Perempuan	24	3.01	0.465		
Iban	Lelaki	18	3.25	0.461	-.538	.593
	Perempuan	32	3.33	0.449		
Bidayuh	Lelaki	15	3.34	0.393	.520	.605
	Perempuan	35	3.28	0.364		
Melanau	Lelaki	23	3.40	0.385	2.085	.042
	Perempuan	27	3.20	0.311		
Lain-lain	Lelaki	27	3.38	0.371	.505	.281
	Perempuan	23	3.26	0.447		
Keseluruhan	Lelaki	128	3.32	0.399	2.211	.028
	Perempuan	172	3.22	0.400		

*Gabungan etnik Bugis, India, Jawa, Kayan, Kedayan, Kelabit, Kenyah, Lun Bawang dan Orang Ulu untuk mewakili etnik lain-lain

5. Perbincangan Kajian

Secara keseluruhannya, dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa, etnik lain-lain mencatatkan tahap minda usahawan paling tinggi namun tidak mewakili tahap minda sebenar kerana etnik lain-lain terdiri daripada pelbagai etnik yang minoriti dan tiada representatif. Namun, etnik Bidayuh mencatat tahap minda kedua tertinggi dapat menggambarkan etnik yang lebih menguasai minda usahawan berbanding dengan etnik-etnik yang lain. Kajian Nadiatul dan Noor Aslinda (2020) menunjukkan bahawa etnik Bidayuh mempunyai tahap minda usahawan yang tinggi kerana dipengaruhi oleh faktor demografi dan menjalankan aktiviti bercucuk tanam serta menjual hasil tanaman bagi menampung keperluan hidup seharian mereka. Dapatan kajian ini tidak menyamai kajian Faiz dan Norasmah (2019) yang mendapati bahawa pelajar Bidayuh masih lemah tentang ciri keusahawanan dan tekad keusahawanan. Namun hasil kajian Norasmah (2016) dan Mazura, (2011) mendapati bahawa sekiranya murid terlibat dalam Program Keusahawanan maka mereka akan lebih menyerlah dalam elemen minda usahawan. Ini disokong oleh Mohd Salleh et al. (2005), dengan menerapkan pendidikan keusahawanan kepada etnik Bidayuh maka mentaliti kelas pertama etnik tersebut berjaya diterapkan dengan berkesan. Seterusnya, minda usahawan ketiga tertinggi ialah etnik Melanau. Etnik Melanau lebih tertumpu kepada industri desa (Shin 2015) justeru, etnik Melanau turut didedahkan minda usahawan oleh keluarga mereka yang terlibat dalam industri desa. Kajian ini disokong oleh Nadiatul dan Noor Aslinda (2020) yang mendapati bahawa minda usahawan dapat disemai melalui faktor seperti pendidikan, rangkaian sosial, latar belakang keluarga, sikap dan tingkah laku. Kajian Mungai dan Ogot (2012) mendapati bahawa setiap etnik memiliki tingkah laku dan minda usahawan mengikut tradisi dan etnik masing-masing.

Selanjutnya, etnik Iban mencatat skor min keempat yang tertinggi. Etnik Iban lebih dikenali dengan kepakaran menenun kain, menganyam tikar sebagai kraftangan untuk menjadi sumber pendapatan mereka (Jacqualine dan Chemaline 2020). Namun, tidak semua yang berminat

untuk mewarisi kemahiran yang dimiliki oleh nenek moyang mereka. Ini menyebabkan tahap minda usahawan etnik Iban adalah pada tahap yang sederhana. Kajian Wilma dan Jasmy (2015) telah mendapati bahawa etnik Iban kurang menguasai kemahiran literasi teknologi maklumat dan komunikasi. Ini menunjukkan etnik Iban tidak menguasai kemahiran mengesan peluang dan kreativiti dan inovasi yang boleh membantu mereka supaya lebih berminda usahawan. Seterusnya, minda usahawan yang kelima tertinggi ialah etnik Melayu. Etnik Melayu kurang mendapat pendedahan minda usahawan kerana tidak ramai yang minat untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan dan mereka lebih selesa bekerja makan gaji atau bekerja dengan majikan (Che 'Asniza 2005). Ini selaras dengan kajian Aaina et. al (2022) yang mendapati bahawa kebanyakan graduan lebih gemar memilih pekerjaan makan gaji sebagai prospek kerjaya. Kajian Zulnaidi dan Mohd Kamil (2018) mendapati bahawa belia perlu meningkatkan keyakinan diri terutamanya dalam mengambil risiko agar lebih berdikari dalam era digital kini. Akhir sekali, etnik Cina merupakan etnik yang paling kurang berminda usahawan berbanding dengan etnik yang lain. Hakikatnya, dapatan kajian Suhaila (2014) menunjukkan etnik Cina menguasai dan memonopoli ekonomi di Sarawak. Hasil kajian Soon Chin dan Adnan (2021), etnik Cina mendapat lebih peluang dan ruang dalam aktiviti perniagaan yang diwarisi oleh ahli keluarga menjadi elemen yang penting dalam menentukan kejayaan orang Cina di Butterworth agar dapat bertahan dalam perniagaan. Walaupun etnik Cina memperoleh skor min yang paling rendah, namun mereka boleh menjadi seorang usahawan yang berjaya. Seseorang yang mempunyai minda keusahawanan boleh melihat dan bijak merebut peluang (Nor Aishah et al. 2018) selari dengan kajian Higdon (2005) yang menyatakan individu berminda usahawan dapat mengenal pasti dan merebut peluang berdasarkan latar belakang dan pengalaman.

Hasil ujian t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan minda usahawan murid daripada pelbagai etnik berdasarkan gender di sekolah menengah. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Azmi et al. (2012) yang mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap potensi keusahawanan. Namun, dapatan kajian ini bercanggah dengan dapatan hasil kajian Rohana dan Norasmah (2022) yang mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap minda usahawan antara gender dalam kalangan pelajar pra-universiti. Walaubagaimanapun, dalam kajian ini menunjukkan tiga elemen yang mempunyai perbezaan signifikan antara gender yang terdiri daripada elemen kemahiran menyelesaikan masalah, keberanian mengambil risiko serta kreativiti dan inovasi. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian Ramlee et al. (2011) yang mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan bagi tahap kemahiran pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah. Sementara, elemen keberanian mengambil risiko disokong dalam kajian Anna dan Siti Awaliyati (2020) yang mendapati terdapat perbezaan tahap keberanian mengambil risiko antara pelajar lelaki dan perempuan. Pelajar lelaki dilihat lebih berani mengambil risiko berbanding dengan pelajar perempuan. Berbeza dengan tiga elemen lagi dalam kajian ini, tidak mempunyai perbezaan yang signifikan antara gender iaitu elemen kemahiran membuat keputusan, kemahiran mengesan peluang dan kemahiran bekerja dalam kumpulan. Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian Rohana dan Norasmah (2022) yang mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap minda usahawan antara pelajar lelaki dan perempuan dalam kalangan pelajar pra-universiti bagi elemen kemahiran membuat keputusan, kemahiran mengesan peluang dan kemahiran bekerja dalam kumpulan. Ini membuktikan bahawa kedua-dua gender mempunyai elemen minda usahawan yang sama. Ringkasnya, dapatan kajian ini menunjukkan dua etnik mempunyai perbezaan tahap minda usahawan yang signifikan antara gender iaitu etnik Cina dan Melanau. Manakala empat etnik lagi tidak mempunyai perbezaan tahap minda usahawan yang signifikan antara gender iaitu Melayu, Iban, Bidayuh dan etnik lain-lain.

6. Kesimpulan

Tahap minda usahawan pelbagai etnik murid sekolah menengah berdasarkan gender berada pada tahap sederhana. Penerapan minda usahawan dalam kalangan murid di peringkat sekolah telah dilaksanakan namun murid masih kurang menguasainya dengan baik. Maka kajian ini mendapati wujud perbezaan yang signifikan antara tahap minda usahawan pelbagai etnik murid sekolah menengah berdasarkan gender.

Implikasi dalam kajian ini mengesyorkan agar murid bukan sahaja didedahkan kepada elemen – elemen minda usahawan secara teori di dalam kelas malah murid perlu didedahkan dengan penglibatan diri secara langsung dengan menyertai kelab dan persatuan di sekolah. Hal ini dapat mendorong murid meningkatkan tahap minda usahawan dan mempraktikkan tingkah laku keusahawanan dalam menjalani kehidupan seharian.

Kajian lanjutan yang dapat dijalankan ialah mengkaji tahap minda usahawan antara murid sekolah menengah bandar dan luar bandar. Kajian yang lebih lanjut perlu dilaksanakan agar dapat melahirkan murid berminda kelas pertama yang dapat memberi sumbangan signifikan kepada pembangunan insaniah dan negara secara menyeluruh.

Rujukan

- Ahad, N., Hamid, M. F. A., Noor, A. M., & Lazin, Z. (2020). Analisis faktor tekanan yang mempengaruhi pelajar kolej komuniti negeri Johor ketika perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 158-172.
- Ahmad, R., Hassan, H., & Ariffin, A. A. W. (2016). Pembudayaan Kreativiti Dan Inovasi Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Kajian Ke Atas Pelajar Universiti Malaysia Perlis. *Journal of Holistic Student Development*, 1(1), 30-40
- Arbaa, R., Jamil, H., & Abd Razak, N. (2010). Hubungan guru-pelajar dan kaitannya dengan komitmen belajar pelajar: Adakah guru berkualiti menghasilkan perbezaan pembelajaran antara jantina pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 61-69.
- Arend, R. J., Cao, X., Grego-Nagel, A., Im, J., Yang, X., & Canavati, S. (2016). Looking upstream and downstream in entrepreneurial cognition: replicating and extending the Busenitz and Barney (1997) study. *Journal of Small Business Management*, 54(4), 1147-1170.
- Awogbenle, A.C. & Iwuamadi, K.C. (2010), Youth unemployment: Entrepreneurship development programme as an intervention mechanism. *African Journal of Business Management*, 4(6), 831-835.
- Belalang, W. N. A., & Abd Rahman, M. J. B. (2016, January). Kemahiran Literasi Ict Dalam Kalangan Pelajar Iban Di Luar Bandar Sibu, Sarawak. Isu Dan Cabaran. In *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education* 1(1), 606-622.
- Bhagra, A. 2018. Changing paradigm of employability skills in the global business world: a review. *Journal of Soft Skills*, 12(2), 7–24
- Creswell, J. W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (4th ed.) California: Sage Publications, Inc.
- Greenbank, P. (2010). *Developing Decision-making Skills in Students: An Active Learning Approach*. Edge Hill University.
- Haron, A. A., Juhdi, N. H., & Rahid, M. R. (2022). Program Keusahawanan dan Prospek Kerjaya Pilihan Mahasiswa: Kajian di UKM. *Journal of Entrepreneurship and Business*, 10(1), 115-129.

- Idris, R., Ariffin, S. R., & Ishak, N. M. (2009). Pengaruh kemahiran generik dalam kemahiran pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan komunikasi pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 6, 103-140.
- Indeks Jurang Gender Global. (2021). Indeks Jurang Gender Global Bagi Negara ASEAN dan Negara-Negara Terpilih Mengikut Indeks Negara.
- Jaafar, M., Abdul-Aziz, A. R., Maideen, S. A., & Mohd, S. Z. (2011). Entrepreneurship in the tourism industry: Issues in developing countries. *International Journal of Hospitality Management*, 30(4), 827-835.
- Jalal, F. B., & Omar, A. B. H. (2015). Membina Intelektual Remaja Dalam Drama “Gelanggang Tuk Wali” Dari Perspektif i-Think. *Prosiding*, 11, 11-23.
- Klinsing, J., & Usop, C. Persepsi Masyarakat Iban terhadap Tenunan Pua Sungkit di Batang Ai. *Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 8(2), 21-43.
- Kuratko, D.F. 2016. Entrepreneurship: Theory, process, and practice. United State: South-Western Pub (US).
- Laporan Daya Saing Global. (2020). Report in Doing Business 2020.
- Makhsin, M., Teoh, Y. P., & Ismail, N. H. (2022). Standard Guru Malaysia 2.0 dalam kemenjadian jiwa pendidik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46), 327-346.
- Mansor, M., & Othman, N. (2011). Consulting-based entrepreneurship education in Malaysian higher education institutions. In *International Conference on Social Science and Humanity*, 5(1), 163-167.
- Mei, T. S., Yahya, K. K., & Teong, L. K. (2015). Hubungan antara pengurusan sumber manusia, budaya organisasi dan prestasi organisasi: Pemodelan persamaan struktur. *International Journal of Management Studies*, 22(1), 97-112.
- Minola, T., Criaco, G. & Obschonka, M. 2016. Age, culture, and self-employment motivation. *Small Business Economics*, 46(2), 187–213.
- Nasharudin, N., & Harun, H. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Malaysian Journal of Education*, 35(1), 11-17
- Nasir, S. M. (2014). Ciri-Ciri Keusahawanan dalam Kalangan Guru Pelatih. *Jurnal Personalial Pelajar*, 17, 1-8.
- Naumann, C. 2017. Entrepreneurial Mindset: A Synthetic Literature Review. *Entrepreneurial Business and Economic Review*, 5(3), 149-172.
- Ngadiman, S. H., & Jamaludin, M. F. (2018). Hubungan Di Antara Kemahiran Kerja Berpasukan dan Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Semester Akhir Politeknik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(19), 01-18.
- Ngu, L. S. (2017). *Pengaruh gaya keibubapaan, penglibatan ibu bapa dan kecerdasan emosi terhadap pencapaian akademik di Limbang, Sarawak* (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- Nor Azzatunnisak Mohd Khatib & Saemah Rahman. 2013. Pemupukan Kreativiti dalam Kalangan Pelajar di Peringkat Sekolah.
- Northouse, P. G. 2012. *Leadership: Theory and Practice* (6th ed.). London: Sage Publication, Inc.
- Osman, C. A., & Arsad, J. (2005). Membudayakan keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar Melayu UiTM Pahang.
- Peng, C. F., & Nadaraja, S. (2016). Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 10-24.

- Peschl, H., Deng, C. & Larson, N. 2020. Entrepreneurial thinking: A signature pedagogy for an uncertain 21st century. *International Journal of Management Education* (xxxx), 100427.
- Radzali, R., Meerah, T. S. M., & Zakaria, E. (2010). Hubungan antara kepercayaan matematik, metakognisi dan perwakilan masalah dengan kejayaan penyelesaian masalah matematik. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 1-7.
- Radzi, N. A. M., Ismail, R., & Poo, B. T. (2012). Kadar pulangan pendidikan mengikut jantina di Malaysia. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII*, 1(12), 446-456.
- Rahim, R., & Othman, N. (2022). Minda Usahawan antara Pelajar Lelaki dan Perempuan Pra-Universiti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 118-131.
- Riduwan. 2012. *Skala Pengukuran Variable-Variable: Penelitian*. Alfabeta: Bandung
- Romly, M. N. A., & Ishak, R. (2021). Amalan Organisasi Pembelajaran Dan Hubungannya Dengan Kepimpinan Guru Sekolah Pedalaman (P1 & P2) Daerah Batang Padang, Perak. *JuPiDi, Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(2), 13-24.
- Rowe, M. L. (2012). A longitudinal investigation of the role of quantity and quality of child-directed speech in vocabulary development. *Child development*, 83(5), 1762-1774.
- Saleh, N. S., Rosli, M. S., Rahman, R., & Ali, A. M. (2021). Peranan Wanita dalam Keseimbangan Kerja-Keluarga berdasarkan Perspektif Islam: Sebuah Kajian Literatur Sistematis: The Role of Women in Work-Family Balance According to the Islamic Perspective: A Systematic Study of Literature. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 2(1), 8-17.
- Schwab, K. 2018. *The global competitiveness report 2018*. World Economic Forum.
- Sharif Adam, S. D., Othman, I. W., Hamid, J. A., Esa, M. S., Ationg, R., Lukin, S. A., & Mohd Tamring, B. A. (2021). Pengaruh Pendidikan dalam Kepelbagaian Etnik Sebelum dan Selepas Merdeka di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 68-84.
- Shin, C. Catatan dan Deskripsi Istilah-istilah yang Berkaitan dengan Sagu dalam Masyarakat Melanau. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(3), 113-120.
- Sieng, L. W., & Kamarudin, N. S. (2021). Faktor Ketidakseimbangan Pembangunan Antara Negeri di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 15, 1-23.
- Siti Khairiah Mohd. Zubir. 2011. Pemikiran Belia ke Arah Pemupukan Daya Kreatif dan Inovatif bagi Membangunkan Negara. *Jurnal Melayu*, 4, 1-19.
- Suarta, I.M., Suwintana, I.K., Sudhana, I.F.P. & Hariyanti, N.K.D. 2017. Employability Skills Required by the 21st Century Workplace: A Literature Review of Labor Market Demand. *Psychology and Education*. 12(5), 337–342.
- Suarta, I. M., Suwintana, I. K., Sudhana, I. F. P., & Hariyanti, N. K. D. (2017, September). Employability skills required by the 21st century workplace: A literature review of labor market demand. In *International Conference on Technology and Vocational Teachers*, 12 (5), 337–342.
- Sulaiman, M., Mat, Z., Husain, F. C., Sulaiman, A., Nizah, M. A. M., & Latiff, L. A. (2017). The Impact of Teamwork skills on Students in Malaysian Public Universities. *The Social Sciences*, 12(9), 1682-1686.
- Peng, C. F., & Nadaraja, S. (2016). Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 10-24.
- Taylor, S. P. (2018). *Creativity in Innovation*. Tidak Diterbitkan.

- Thorstad, R., Nie, A. & Wolff, P. 2015. Representations of time affect willingness to wait for future rewards. *Proceedings of the 37th Annual Meeting of the Cognitive Science Society* 2392–2397.
- Timmons, J.A., Zacharakis, A. & Spinelli, S. 2004. *Business Plans That Work: A Guide For Small Business*. McGraw Hill Education.
- Yusof, M. Z. M., & Tahir, Z. (2021). Faktor Kejayaan Usahawan Muda dalam Perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (EKS) di Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(1), 1-13.
- Zulnaidi Yaacob & Mohd Kamil Mohd Salki. (2018). Meramal kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar berdasarkan karakteristik individu dan pendidikan keusahawanan. *Jurnal Perspektif*, 10(2), 45-57.